



## Kabinet belum putuskan kebenaran eksport ayam

PUTRAJAYA: Kebenaran mengeksport ayam akan dipertimbang selepas bekalan dalam negara untuk rakyat tidak terjejas bagi memastikan harga bahan mentah itu dapat dikawal.

Pengerusi Pasukan Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa, berkata pada masa sama, isu membabitkan pemberian subsidi kepada penternak bagi membolehkan ayam standard dijual pada harga siling runcit RM9.40 sekilogram di Semenanjung juga perlu diperhalusi.

"Jadi isunya, kita tidak boleh tangani hanya soal eksport. Kita kena tangani juga soal selama mana subsidi itu nak dikekalkan.

"Kalau kita tiba-tiba terus membenarkan eksport dan pada masa yang sama, ditamatkan subsidi, maka harga ayam akan melambung sekali lagi," katanya pada sidang media, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Datuk Rosol Wahid, bahawa Kabinet akan memuktamadkan keputusan mengenai eksport ayam, hari ini.

Menteri Komunikasi dan Multimedia itu, berkata Kabinet ada membincangkan isu kebenaran mengeksport ayam, hari ini, namun tiada keputusan dibuat dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar turut mengemukakan beberapa syor.

Beliau berkata, keperluan ayam dalam negara adalah sebanyak 70 juta ekor sebulan atau kira-kira 2.2 juta ekor sehari dan walaupun dikatakan bekalan melebihi keperluan ketika ini iaitu kira-kira 3.5 juta ekor, kerajaan hanya akan membenarkan eksport jika ia tidak menjejaskan keperluan domestik.

Katanya, kerajaan akan hanya membuat keputusan selepas semua perkara diteliti dan satu kaedah akan diperkenalkan jika ayam dibenarkan untuk eksport.

"Jawatankuasa jihad akan lihat perkara ini dan nanti, bila sudah ada satu pendekatan, barulah mungkin Kementerian Pertanian dan Industri Makanan boleh membawa semula kepada Jemaah Menteri untuk diputuskan," katanya.

Annuar berkata, Pasukan Jihad Tangani Inflasi juga sudah mengarahkan **Jabatan Perangkaan** untuk membuat kajian bagi menetapkan kos sebenar ayam di peringkat ladang.

Beliau berkata, kaedah itu sama seperti yang dilakukan untuk menetapkan harga siling minyak masak tulen kemasan botol dan kerajaan mengambil kira harga komoditi sawit dari pelbagai sudut sebelum menetapkan harga munasabah yang perlu dibayar oleh rakyat. – BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/989665/kabinet-belum-putuskan-kebenaran-eksport-ayam>